

04/03/2001

Li Zijian berkelana demi keamanan, kemanusiaan

Jamudin Idris

MARILYN Stoktard berpendapat, seni bukan saja membentuk pola pernyataan masyarakat, tetapi juga seringkali dibentuk oleh pernyataan dalam konteks sosial masyarakat berkenaan. Lazimnya seniman adalah jurubahasa kepada masyarakat dalam era bahasa. Itu yang dapat dikesan apabila kita berkesempatan melihat lukisan pelukis terkenal Li Zijian.

Lukisan Li Zijian dengan tema "Kemanusiaan dan Kesejahteraan" jelas sekali menunjukkan beliau menjadi pembicara kepada masyarakatnya kerana paparan figura pada semua karyanya banyak menyentuh golongan tua dan kanak-kanak. Karyanya menjangkau bakat dan visi membuatkan ramai yang tersentuh dengan karyanya.

Ada kepuasan apabila kita melihat lukisan cat minyaknya bersama landskap dan kegiatan harian masyarakat kampung. Melihat lukisannya bagaikan menatap sebuah gambar foto, jelas sekali hebatnya pelukis ini.

Menghayati lukisan Li samalah seperti menghayati semula intipati seni, khususnya seni catan yang semakin dilupakan, lebih-lebih lagi di era milenium ini yang kebanyakan pelukis muda lebih menggemari karya moden kontemporari seperti instalasi dan berbentuk eksperimental.

Li yang diasuh di sekolah seni realis, ternyata cukup berbakat kerana persembahan dan tekniknyanya tiada tandingan. Setiap karyanya adalah unik dari segi komposisi dan warna. Pertemuan Barat-Timur secara tidak langsung berlaku dalam karyanya seperti tema golongan tidak berumah yang agak meluas di Barat dan golongan tua di China.

Melalui siri golongan tidak berumah ini, beliau kembali kepada subjek kajian menggambarkan perasaan, umur dan jantina serta kehidupan mereka yang tidak mempunyai tempat tinggal dengan unsur realiti.

Pelukis yang dilahirkan di Shaoyang, Wilayah Hunan, China pada 1954 adalah graduan Fakulti Cat Minyak dari Guangzhou Academy of Fine Arts pada tahun 1982. Beliau adalah ahli Persatuan Pelukis China dan Persatuan Pelukis Cat Minyak Amerika Syarikat.

Beliau ke Amerika Syarikat pada tahun 1998 dan sekarang menetap di Los Angeles. Kebelakangan ini, karyanya banyak membawa tema kemanusiaan dan kesejahteraan dengan gaya realis. Beliau tidak jemu-jemu merakam setiap aspek masyarakatnya.

Beliau menjadi pembicara yang jujur dan mengemukakan pemandangan landskap penghidupan sederhana masyarakat kampung.

Sebenarnya kita juga mempunyai pelukis figura yang hebat, tetapi sayang pelukis figura kita tidak membuat tema khusus ketika berkarya.

Tema mereka sering berpindah dari satu tajuk kepada tajuk lain, tetapi Li Zijian bukan saja menekuni sesebuah tajuk, tetapi dikerjakan dengan teliti.

Melalui pameran yang menghimpun kira-kira 122 karya cat minyak ini, kita dapat melihat beberapa siri seperti "Ibu dan Anak Perempuan", "Siri Selimut/Gebat", "Pribumi", "Surat", "Golongan Terbuang", "Tibet" serta potret gadis di China dan Taiwan serta pemimpin negara. Karya agungnya mengenai pembunuhan kejam di Nanjing.

Siri mengenai pribumi begitu menyentuh jiwa Li Zijian dan beliau terpaksa berulang kali terbang dari Amerika Syarikat ke China mendekati golongan pribumi untuk merakam suka duka masyarakat itu ke dada kanvas. Untuk siri itu, beliau menghasilkan lebih 60 karya.

Karya mengenai 'kanak-kanak dan anjing' menggambarkan seorang kanak-kanak perempuan mengusap anjingnya dengan penuh kasih sayang di tengah

keputihan salji yang luas terbentang. Sikap perikemanusiaan itu dipaparkan secara samar-samar dalam keadaan hidup yang daif.

Melalui siri 'Ibu dan Anak Perempuan' beliau mengambil isterinya sebagai moden ketika isterinya mengandung, menyusu anak dan membesarkannya. Sepuluh lukisan dihasilkan pada siri itu manakala puncak karyanya bertajuk "1937- Massacre in Nanjing Kill" yang dirakamkan berdasarkan fakta sejarah, apabila ribuan rakyat China dibunuh oleh tentera Jepun dengan kejam.

Li mengambil masa 18 bulan menyiapkan lukisan itu yang kini milik Muzium Seni Lukis Fokuangyuan. Lukisan itu pernah menimbulkan kontroversi ketika dipamerkan di Netherland tahun lalu apabila didesak sekumpulan rakyat Jepun supaya tidak dipamerkan. Penganjur akhirnya tunduk kepada desakan itu tapi pameran tetap berjalan.

Pameran bergeraknya sudah diadakan di 15 negara bermula tahun 1995 hingga 2000. Untuk pameran di Malaysia, lukisannya dibawa dalam enam kontena dan kerana itu terlewat beberapa hari. Bagaimanapun, pengunjung datang tidak putus-putus.

Melihat kehebatan karya Li, tidak salah jika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah berkata lukisan dihasilkan Li yang terbaik pernah disaksinya.

Kini Dr Mahathir dan Pentadbiran Putrajaya memiliki beberapa karya Li Zijian.

Pameran solo bergerak antarabangsa sedunia ini mempersembahkan pandangan hidup seharian yang memperlihatkan pemahaman pelukis terhadap kehidupan sebenar.

Karya Li berjaya mengatasi perbezaan kebudayaan, agama, tradisi, adat resam, profesi dan lapisan masyarakat.

Selain teknik unsur kemanusiaan dalam karyanya adalah kunci keberkesannya.

Pameran ini cukup bermakna kerana siri ini bermula di Malaysia pada 1996.

Pameran dirasmikan Dr Mahathir dan kini selepas dibawa mengelilingi dunia, ia kembali semula ke Malaysia sebelum ke Taipei.

Lebih bermakna pameran kali ini disertakan sembilan lukisan mengenai Malaysia. Malaysia sudah tidak asing pada Li dan beliau diberi kebebasan bergerak untuk berkarya.

Li sempat melawat beberapa tempat menarik termasuk Kuantan dan Kuala Selangor.

Beliau kagum dengan masyarakat di Malaysia yang harmoni dan sebuah lukisan "Stesen Bas" Siri Malaysia (2001) dihasilkan, merakamkan hubungan baik antara penduduk pelbagai kaum. Keriangan gadis desa bermain-main dirakamkan dalam "Keluar Dari Hutan" (2001).

Li tentunya sukar berjumpa dengan nelayan di negara kelahirannya atau di tempat tinggalnya sekarang. Kali ini kerana tertarik dengan kehidupan nelayan, dua lukisan dihasilkan dengan tajuk 'Laut Datuk' (2001) manakala lukisan 'Tingkap' Siri Malaysia (2001) adalah rakaman budaya Malaysia.

Li berkata, dia tidak mengambil masa panjang menyiapkan sesebuah lukisan kerana ketika berkarya dia memberi sepenuh perhatian dan sudah biasa bekerja hingga lewat pagi untuk menyiapkan sesebuah lukisan.

Katanya, tema kemanusiaan dipilihnya kerana rasa tanggungjawab memupuk keharmonian dan ini penting untuk keamanan dunia.

Mengenai Malaysia, Li berkata, beliau cukup selesa berkarya di sini kerana sokongan moral oleh Dr Mahathir pembeli karyanya.

"Sokongan pembeli membiayai perjalanan saya amat dihargai, ini membolehkan karya saya dinikmati orang ramai," katanya selepas perasmian Pameran Bergerak Sedunia yang dilakukan Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Dr Ng Yen Yen.

Li berkata, selepas kembali ke Taipei, beliau akan berehat seketika, tetapi akan kembali berkarya untuk tujuan yang sama - mengelilingi dunia dengan karya seni kerana seni bersifat sejagat.

(END)